

Harga ikan dijangka stabil hingga Tahun Baharu Cina

STH 18/1/2019 M/S 33

MARANG - Harga ikan dijual dengan harga berpatutan di daerah ini dan keadaan itu dijangka kekal sehingga sambutan Tahun Baharu Cina walaupun bekalan kadang-kala sukar diperoleh.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Bandar Marang semalam mendapati harga ikan kembung, tongkol malah udang harimau dijual dengan harga yang berpatutan oleh peniaga pasar berkenaan.

Harga ikan berkenaan dijual sekitar RM8 hingga RM12 sekilogram, bergantung kepada jenis ikan manakala harga udang harimau saiz besar ketika ini dijual pada harga RM100 sekilogram.

Seorang peniaga, Hanafi Ibrahim, 36, berkata, ketika musim tengkujuh sukar untuk mendapatkan bekalan ikan segar namun, pengguna berasas baik

bekalan ikan tidak pernah terputus setakat ini.

Menurutnya, harga ikan segar stabil walaupun laut masih bergelora dan nelayan ada kalanya tidak dapat ke laut tetapi apabila cuaca baik mereka akan ke laut walaupun dalam musim tengkujuh.

"Harga ikan tidak naik berbeza berbanding tengkujuh tahun lalu. Hari ini (semalam), ikan tongkol kita jual RM12 sekilogram sama seperti sebelum tengkujuh, kurik RM10 sekilogram dan ikan lain pun tak naik."

"Udang harimau saiz besar kita jual RM100 sekilogram. Udang mendapat permintaan tinggi kaum Cina sempena Tahun Baharu Cina. Kita jangka harga ikan dan udang ini akan kekal stabil hingga perayaan itu," katanya.

Dalam pada itu, rata-rata peniaga lain juga didapati tidak

mengambil kesempatan mengaut keuntungan dengan menaikkan harga ikan meskipun bekalan ikan sedikit berkurangan, berikutan musim tengkujuh.

Bagi pengunjung, Abdullah Mohamad, 46, peniaga mengekalkan harga rendah kerana tidak mahu pembeli membeli ikan sejuk beku atau ikan kotak yang dijual pada harga lebih rendah.

Maimun Sarniun, 55, pula berkata, dia sanggup membeli ikan segar walaupun harganya sedikit tinggi berbanding ikan kotak kerana kualiti ikan segar lebih terjamin berbanding ikan kotak.

"Setakat ini, saya sekeluarga mampu beli lagi ikan segar dan harga yang ditetapkan tidaklah setinggi mana. Kita pun faham sekarang laut masih bergelora, nak dapat ikan segar pastinya sudah sikit," katanya.



Tinjauan di Pasar Bandar Marang, semalam, mendapati harga ikan dijual dengan harga berpatutan.